

23 AUG 2003

Mahathir-Kejayaan

DR M ANGGAP KEJAYAAN BESAR BAGINYA ADALAH PERPADUAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau menganggap pengekalan perpaduan dan hubungan antara pelbagai kaum yang terus wujud di kalangan masyarakat negara ini sebagai kejayaan terbesarnya sebagai Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata asas dan arkitek perpaduan kaum dimulakan oleh Perdana Menteri pertama alahyarham Tunku Abdul Rahman Alhaj dan setiap pemimpin kaum di negara ini telah memainkan peranan mereka dalam mengekalkan perpaduan di negara ini sehingga sekarang, walaupun wujud pelbagai cabaran.

Dr Mahathir berkata ketika beliau mula menjadi Perdana Menteri pada 1981, wujud kesangsian di kalangan masyarakat negara ini, terutama masyarakat Cina terhadapnya, tetapi kesangsian itu kini semua telah hilang.

"Ini ultra... ultra Melayu, demikian pandangan pada 1981. Sebab itu untuk mengekalkan dasar dan falsafah Tunku Abdul Rahman menjadi amat sukar untuk saya tidak seperti Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn.

"Syak wasangka terhadap saya amat kuat dan ia lebih sukar bagi saya berbanding Tun Razak dan Hussein Onn," kata Perdana Menteri yang akan bersara Oktober ini, semasa merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional Parti Gerakan di Menara PGRM di sini.

Dr Mahathir berkata: "tetapi hari ini bila saya datang ke mesyuarat ini, saya disambut oleh para anggota Cina dan India dengan penuh semangat. Jadi tak benar lagilah bahawa sangkaan buruk pada diri saya pada 1981 kekal dan menjadi kenyataan.

"Bagi saya ini satu kejayaan yang akan sentiasa saya kenang," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata negara memerlukan keamanan dan kestabilan, dan ini tidak mungkin dicapai melainkan rakyat berbilang kaum dapat mengadakan hubungan yang baik di antara mereka.

Dalam konteks ini, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak berminat untuk mengasimilasikan rakyat pelbagai kaum tetapi sebaliknya berusaha mengintegrasikan mereka.

"Dan saya gembira bahawa pada penghujung kareer saya, ini telah berlaku. Mereka kaum Melayu akan kekal dengan sifat mereka, agama mereka, bahasa dan budaya... bagi kaum Cina pula mereka akan mengekalkan budaya mereka, bahasa dan agama begitu juga dengan kaum India dan penduduk di Sabah dan Sarawak... mereka akan memulihara sifat dan identiti mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata perbezaan berkenaan tidak harus menghalang rakyat negara ini untuk bekerjasama bagi mencapai integrasi sebagai bangsa Malaysia.

"Objektif mereka ialah bagi memastikan negara ini menjadi negara maju menjelang 2020. Ia bukan merupakan satu tugas yang begitu sukar. Kita telah mencadangkan perlu ada penyelesaian sama-sama menang bahawa tiada siapa yang kalah (dan) bahawa semua orang akan menang," katanya.

Beliau menegaskan bahawa semua pihak harus belajar daripada sejarah sebagai panduan bagi mengelak perkara yang buruk daripada berulang.

"Dan kita melihat dalam politik dunia hari ini ada pemimpin negara besar yang lupa akan sejarah dan malahan lupa terhadap pengajaran daripada peristiwa yang baru berlaku.

"Kita melihat dalam dunia hari ini, orang mengingati kejadian pembunuhan beramai-ramai yang lepas... Mereka akan mengingati peristiwa itu

dan membalas dendam terhadap apa yang berlaku 500 atau 1,000 tahun yang lalu, membalas dendam dengan membunuh dan berlawan antara satu sama lain." katanya.

Dr Mahathir berkata ini tidak membawa apa-apa kebaikan kepada sesiapa pun kerana pada akhirnya semua pihak dan dunia akan menderita akibatnya.

"Tapi di Malaysia kita selalu ingat sejarah kita... sejarah yang baik yang membawa hasil dan sejarah buruk yang harus kita elakkan," katanya.

Mengenai parti Gerakan, Dr Mahathir berkata parti itu telah banyak melalui liku-liku dalam sejarah 32 tahunnya, sama seperti parti politik yang lain.

Perdana Menteri berkata kerjasama dan hubungan baik antara Gerakan dan MCA, sebuah parti komponen yang mewakili kaum Cina, sangat penting untuk BN.

"Kita sedar falsafah politik MCA dan Gerakan berbeza. Tapi perbezaan ini tidak harus menyebabkan permusuhan... Saya amat gembira bila Dr Lim (Keng Yaik) sebut Gerakan adalah adik kepada MCA. Saya tidak fikir beliau bermaksud untuk menghina sesiapa," katanya.

Perdana Menteri turut menekankan bahawa ketika pilihan raya, yang penting adalah BN dan bukan kepentingan individu parti komponen.

"Masa pilihan raya, kena lupa mana datang kerana yang bertanding bukan Umno, MCA atau MIC atau mana-mana parti dari Sabah atau Sarawak. Yang bertanding adalah BN. Kita semua pakai simbol yang sama dan kita sebut kita dari calon BN," katanya.

Dr Mahathir berkata konsep campuran BN adalah berbeza dengan parti lain kerana gabungan dibentuk sebelum pilihan raya dan ini memberi kelebihan kepada BN dalam menentukan umpamanya calon-calon yang akan bertanding.

"BN ialah satu parti campuran. Tetapi tidak seperti parti campuran di negara lain, kita sebuah parti campuran sebelum pilihan raya. Kalau gabungan selepas (pilihan raya) biasanya campuran yang tidak sihat. Objektif (antara komponen) tidak sama," katanya.

Dr Mahathir berkata BN memerlukan majoriti yang kuat bagi meneruskan agenda pembangunan negara.

"Hari ini dengan 3/4 majoriti kita boleh membuat keputusan yang adakalanya tidak menyenangkan rakyat tetapi baik untuk mereka. Kita bukan kerajaan yang mahu popular tetap sebuah kerajaan yang pragmatik. Kita perlu mempertahankan sebuah kerajaan yang kukuh buat masa yang lama kerana kita masih memerlukan pembangunan," katanya.

-- BERNAMA

RV HS RON